

Aishah Ghani: Orang2 cacat patut dibantu

MELAKA, Ahad — Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani hari ini berkata adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggalakan penglibatan masyarakat dalam usaha membantu orang-orang cacat berdikari.

"Saya percaya orang-orang cacat sendiri tidak mahu atau suka dianggap sebagai golongan masyarakat yang hanya menunggu simpati dari saudara mara dan orang ramai malah mereka ingin turut menjalankan tanggungjawab yang sama seperti masyarakat umum," tegasnya.

Beliau menegaskan demikian sewaktu berucap merasmikan bangunan asrama dan bengkel Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Melaka, di rumah sukarela Orang Tua Paya Ikan dekat sini pagi tadi.

Datin Paduka Hajjah Aishah berkata, kementeriannya kini mempunyai sebuah pusat pemulihan bagi orang cacat anggota, sebuah pusat latihan bagi orang cacat akal, sebuah bengkel pelindung dan dua buah yayasan bagi orang cacat akal yang teruk.

Institusi ini hanya boleh memberi perkhidmatan kepada seramai 790 orang cacat pada sesuatu jangka masa, katanya.

Beliau berkata dalam Rancangan Malaysia Keempat,

kementeriannya akan membina 12 buah institusi baru di samping membesarkan lagi tiga institusi yang sedia ada.

Institusi baru itu termasuk tiga buah pusat pemulihan bagi orang cacat anggota, sebuah darinya akan dibina di Melaka, tiga buah bengkel pelindung untuk memberi kemudahan pekerjaan kepada orang-orang cacat terlatih akan dibina di Trengganu, Kedah dan Perak serta dua buah ladang, satu di Pahang untuk mereka yang cacat akal dan sebuah lagi di Trengganu bagi mereka yang cacat penglihatan.

Datin Paduka Hajjah Aishah berkata, kementeriannya juga mengadakan dua buah rumah perantaraan di Wilayah Persekutuan untuk bekas-bekas pesakit otak yang tidak mempunyai tempat tinggal.

Dua buah rumah untuk orang cacat akal akan dibina di Selangor dan Trengganu untuk memberi jagaan kepada orang-orang cacat akal yang teruk.

Beliau berkata, kemudahan-kemudahan latihan dan pekerjaan akan diperluaskan di Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat Anggota di Cheras, di bengkel Daya Kelang dan di Rumah Kanak-kanak Jubli, Johor Bahru.

"Apabila siap kelak, projek-projek ini dapat memberi kemudahan tambahan bagi jagaan, latihan dan pekerjaan kepada seramai 1,365 orang cacat," ujarnya.

Hadir sama di upacara itu ialah Ahli Exco Kerajaan Negeri, Encik Idris Haji Abdul Ghani yang memegang portfolio Kebajikan Masyarakat.